

BAB LIMA

HASIL DAPATAN KAJIAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian . Pembentangan hasil dapatan kajian daripada soal selidik ini, akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan latar belakang sampel kajian. Bahagian kedua keputusan kajian berkaitan dengan jenis personaliti dan sikap pensyarah, hubungan personaliti dengan produktiviti kerja, hubungan sikap dengan produktiviti kerja dan hubungan faktor demografi dengan produktiviti kerja.

5.1 Latar Belakang Responden

Bahagian ini membentangkan beberapa keputusan deskriptif mengenai demografi responden dari segi jantina, umur, status perkahwinan, tempoh perkhidmatan, gred jawatan, pendapatan dan bidang pengkhususan. Jumlah sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah seramai 102 orang pensyarah daripada Universiti Malaya. Daripada keseluruhan jumlah responden, terdapat seramai 52 pensyarah lelaki dan 50 pensyarah perempuan dan terdapat seorang responden tidak menyatakan jantinitanya. Manakala daripada keseluruhan jumlah pensyarah yang menjadi responden kajian ini mereka terdiri daripada 3 orang Profesor, 32 orang Profesor Madya dan 65 orang pensyarah.

5.1.1 Jantina Responden

Didapati majoriti daripada responden iaitu 50.5 peratus terdiri daripada lelaki dan 49.5 peratus terdiri daripada perempuan. Taburan terperinci mengenai jantina responden adalah seperti di jadual 5.1.1 di bawah.

Jadual 5.1.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	52	50.5%
Perempuan	50	49.5%
JUMLAH	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.1.2 Umur responden

Didapati jarak umur responden ialah di antara 25 hingga 55. Kebanyakan responden adalah dalam lingkungan umur di antara 30 hingga 39 tahun (43.6%). Ini diikuti oleh 22.8 peratus responden yang berumur di antara 25 hingga 29 tahun dan 40 hingga 49 tahun. Manakala hanya 10.8 peratus responden yang berumur lebih daripada 50 tahun. Taburan terperinci umur responden adalah seperti di Jadual 5.1.2 di bawah.

Jadual 5.1.2: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan responden	Peratus (%)
25 hingga 29 tahun	23	22.8%
30 hingga 39 tahun	44	43.6%
40 hingga 49 tahun	23	22.8%
> daripada 50 tahun	12	10.8%
JUMLAH	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.1.3 Taraf Perkahwinan Responden

Sebahagian besar daripada responden iaitu 86.4 peratus daripadanya telah mendirikan rumah tangga manakala bakinya iaitu sebanyak 12.6 peratus adalah belum berkahwin. Didapati tiada responden yang berpisah. Taburan terperinci mengenai taraf perkahwinan responden adalah seperti di Jadual 5.1.3 di bawah.

Jadual 5.1.3 : Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan dan Jantina

Taraf Perkahwinan	Kekerapan	Peratus (%)
Berkahwin	89	87.3%
Bujang	13	12.7%
JUMLAH	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.1.4 Tempoh Perkhidmatan Responden

Didapati bahawa sebahagian besar daripada responden iaitu 46.5 peratus telahpun bekerja dalam jangkamasa kurang daripada lima tahun. Manakala 21.2 peratus responden pula telah berkhidmat di antara lima tahun hingga sepuluh tahun. Responden yang berkhidmat antara sebelas tahun hingga dua puluh tahun merupakan 20.2 peratus dari keseluruhan responden. Baki selebihnya iaitu sebanyak 12.1 peratus adalah responden yang berkhidmat melebihi 20 tahun. Terdapat tiga orang responden tidak memberitahu tempoh perkhidmatan mereka bertugas. Taburan terperinci mengenai tempoh perkhidmatan responden adalah seperti di Jadual 5.1.4 di bawah.

Jadual 5.1.4 : Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan

Tempoh Perkhidmatan	Kekerapan responden	Peratus (%)
< daripada 5 tahun	46	46.5
5 hingga 10 tahun	21	21.2
11 hingga 20 tahun	20	20.2
Melebihi 20 tahun	12	12.1
Tidak menjawab	3	-
JUMLAH	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.1.5 Pangkat Jawatan Responden

Kajian ini mendapati bahawa majoriti iaitu 65.0 peratus daripada responden terdiri daripada pensyarah. Ini diikuti dengan 32.0 peratus daripada responden terdiri daripada Profesor Madya. Manakala bakinya sebanyak 3.0 peratus responden terdiri daripada Profesor. Taburan terperinci mengenai gred jawatan responden adalah seperti di Jadual 5.5 di bawah. Didapati dua orang responden tidak menanda pada bahagian ini.

Jadual 5.1.5 : Taburan Responden Mengikut Pangkat

Pangkat	Kekerapan	Peratus
Pensyarah (tetap)	65	65.0%
Profesor Madya	32	32.0%
Profesor	3	3.0%
Tidak menyatakan pangkat	2	-
JUMLAH	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.1.6 Pendidikan tertinggi responden

Didapati sebahagian besar daripada responden, menunjukkan pendidikan tertinggi mereka ialah MA iaitu seramai 58.4 peratus, manakala bakinya iaitu seramai

41.6 peratus sambung pengajian sampai ke peringkat PhD. Taburan terperinci mengenai pendidikan tertinggi responden adalah seperti di Jadual 5.1.6 di bawah.

Jadual 5.1.6 : Taburan Responden Mengikut Pendidikan Tertinggi

Pendidikan tertinggi	Kekerapan (responden)	Peratus (%)
MA	59	58.4%
PHD	42	41.6%
Tidak menjawab	1	-
JUMLAH	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.1.7 Bidang Penyelidikan Responden

Berdasarkan maklumat yang diperolehi seramai 59.6 peratus daripada responden telah melakukan penyelidikan dalam bidang kemanusiaan. Manakala dalam bidang sains & teknologi hanya 40.4 peratus. Taburan terperinci mengenai bidang penyelidikan responden adalah seperti di jadual 5.1.7 di bawah.

Jadual 5.1.7: Taburan responden mengikut bidang penyelidikan

Bidang penyelidikan	Kekerapan	Peratus (%)
Kemanusiaan	59	59.6%
Sains & teknologi	40	40.4%
Tidak menjawab	3	-
JUMLAH	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.1.8 Jumlah Pendapatan responden

Hasil kajian mendapati majoriti daripada responden berpendapatan antara RM 2000 hingga RM 3999 sebulan (53.8%). Ini diikuti dengan 35.2 peratus berpendapatan antara RM 4000 hingga RM 5999 dan 6.6 peratus responden berpendapatan di antara RM 6000 hingga RM 7999. Manakala peratus responden yang berpendapatan kurang daripada RM 2000 hanya 2.2 peratus sahaja. Kajian juga mendapati hanya 2.2 peratus responden sahaja yang berpendapatan lebih daripada RM 10,000. Terdapat 11 orang responden tidak menyatakan pendapatan mereka. Taburan terperinci tentang pendapatan responden seperti di jadual 5.2.8 di bawah.

Jadual 5.2.8 : Taburan pendapatan responden

Pendapatan	Kekerapan	Peratus
< RM 2000	2	2.2
RM 2000 – RM 3999	49	53.8
RM 4000 – RM 5999	32	35.2
RM 6000 – RM 7999	6	6.6
> RM 10000	2	2.2
Tidak menjawab	11	-
Jumlah	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.2 Keputusan Kajian

5.2.1 Jenis Personaliti Responden

Berdasarkan jadual 5.3.1 di bawah, didapati daripada sejumlah 102 orang responden, 77 orang (75.5%) memiliki jenis personaliti *extrovert* manakala bakinya iaitu 25 orang (24.5%) memiliki personaliti *introvert*. Ini menunjukkan ramai di

kalangan pensyarah berpersonaliti *extrovert*. Keputusan kajian juga mendapati tidak ramai di kalangan responden yang memiliki jenis personaliti neuritik iaitu hanya 24 orang (23.5) daripada 102 orang responden. Manakala bakinya iaitu seramai 78 orang (76.5%) tidak neuritik. Ini dapat dinyatakan di antara ciri yang tidak ada pada seorang pensyarah seperti pemalu, emosional, murung, rendah penghargaan diri dan tidak rasional. Seterusnya, hasil kajian juga mendapati tidak ada seorangpun di kalangan responden yang memiliki jenis personaliti psikotik. Malah daripada 102 orang responden semuanya jenis tidak psikotik. Ini juga menunjukkan seorang pensyarah tidak ada ciri-ciri seperti agresif, dingin, degil, anti sosial dan tidak mesra. Taburan terperinci mengenai jenis personaliti responden adalah seperti jadual 5.2.1 di bawah. Oleh itu, dapat diklasifikasikan bahawa jenis personaliti yang ada pada seorang pensyarah ialah *introvert/ extrovert*, tidak neurotik dan bukan jenis orang psikotik.

Jadual 5.2.1: Jenis Personaliti Responden

Jenis personaliti	Kekerapan	Peratus
Introvert	25	24.5
Ekstovert	77	75.5
Jumlah	102	100
Neurotik	24	23.5
Tidak Neurotik	78	76.5
Jumlah	102	100
Psikotik	-	-
Tidak Psikotik	102	100
Jumlah	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.2.2 Jenis Sikap Responden

5.2.2(a) Sikap Responden Terhadap Penglibatan Kerja

Setelah analisa dijalankan ke atas kenyataan-kenyataan di atas, didapati sebanyak 51 peratus responden mempunyai tahap penglibatan kerja yang 'sederhana'. Sebanyak 40 peratus mempunyai penglibatan kerja yang 'tinggi' dan bakinya sebanyak 9.8 peratus daripada responden mempunyai penglibatan kerja yang rendah. Hasil analisa ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden mempunyai penglibatan kerja yang sederhana. Taburan terperinci mengenai tahap penglibatan kerja responden adalah seperti di jadual 5.2.2(a) di bawah.

Jadual 5.2.2(a): Tahap Penglibatan Kerja Responden

Penglibatan Kerja	Kekerapan	Peratus
Rendah	10	9.8
Sederhana	52	51.0
Tinggi	40	39.2
Jumlah	102	100

Sumber: Data-data Kaji Selidik

5.2.2(b) Sikap Responden Terhadap Kepuasan Kerja

Berdasarkan keputusan di dalam jadual 5.2.2(b) di bawah, didapati sebahagian besar daripada responden iaitu sebanyak 52 peratus merasakan mereka mendapat kepuasan kerja yang sederhana. Sementara itu seramai 42.2 peratus daripada responden mendapat kepuasan kerja yang tinggi. Hanya 5.9 peratus sahaja daripada 102 orang responden yang menyatakan mereka mendapat kepuasan kerja yang

rendah. Secara keseluruhannya, didapati sedikit sahaja responden yang mempunyai tahap kepuasan kerja yang rendah, malah ramai berada di tahap sederhana. Taburan terperinci mengenai kepuasan kerja responden seperti di jadual 5.2.2(b) di bawah.

Jadual 5.2.2(b): Tahap Kepuasan Kerja responden

Kepuasan Kerja	Kekerapan	Peratus
Rendah	6	5.9
Sederhana	53	52.0
Tinggi	43	42.2
Jumlah	102	100

Sumber: Data-data Kaji Selidik

5.2.2(c) Sikap Responden Terhadap Iltizam Kerja

Berdasarkan keputusan dalam jadual 5.3.2(c) di bawah, didapati bahawa daripada 102 orang responden seramai 47. 1 peratus yang mempunyai iltizam kerja yang tinggi dan diikuti dengan 46.1 peratus daripada responden mempunyai tahap iltizam kerja yang sederhana. Hanya 6.9 peratus sahaja yang kurang komitmen kepada kerja mereka iaitu hanya tujuh orang sahaja daripada 102 orang responden. Daripada hasil kajian ini menunjukkan ramai di kalangan responden yang mempunyai iltizam kerja yang tinggi. Taburan terperinci mengenai tahap iltizam kerja adalah seperti jadual 5.2.2(c) di bawah.

Jadual 5.2.2(c): Tahap Iltizam Kerja Responden

Iltizam Kerja	Kekerapan	Peratus
Rendah	7	6.9
Sederhana	47	46.1
Tinggi	48	47.1
Jumlah	102	100

Sumber: Data- data Kaji Selidik

5.2.2(d) Sikap Responden Terhadap Hubungan Dengan Allah

Berdasarkan jadual 5.2.2 (d) di bawah, didapati 55.9 peratus daripada responden mempunyai tahap hubungan dengan Allah pada tahap sederhana. Sementara itu, sebanyak 38.2 peratus mempunyai tahap hubungan dengan Allah tinggi. Manakala hanya 5.9 peratus daripada responden sahaja yang mempunyai tahap hubungan dengan Allah rendah. Ini bermakna ramai di kalangan responden yang mempunyai hubungan dengan Allah pada tahap yang sederhana. Taburan terperinci seperti yang tercatat dalam jadual 5.2.2(d) di bawah.

Jadual 5.2.2(d): Tahap Hubungan Responden Dengan Allah

Hubungan Dengan Allah	Kekerapan	Peratus
Rendah	6	5.9
Sederhana	57	55.9
Tinggi	39	38.2
Jumlah	102	100

Sumber: Data-data kaji selidik

5.3. Hubungan Di Antara Jenis Personaliti Responden dengan Produktiviti

Analisa telah dilakukan terhadap hubungan jenis personaliti iaitu personaliti *introvert/extrovert*, *neurotik/tidak neurotik* dan *psikotik/tidak psikotik*. Analisa juga dilakukan terhadap hubungan sikap iaitu dari segi penglibatan kerja, kepuasan kerja, komitmen kerja dan hubungan dengan Allah dengan produktiviti kerja. Tujuan analisa ini untuk melihat dan bagi menjawab persoalan sejauhmanakah personaliti dan sikap mempengaruhi secara signifikan produktiviti kerja responden. Ujian statistik yang digunakan ialah ujian '*Pearson Chi- Square*'.

Jadual 5.3.: Hubungan Personaliti Dengan Produktiviti Kerja

Jenis Personaliti	Nilai Chi-Squire	Darjah Kebebasan	Paras keertian	Status perhubungan
Neurotik/ tidak neurotik	0.319	1	0.572	Tidak signifikan
Introvert/Ekstrovert	0.070	1	0.791	Tidak signifikan
Psikotik/tidak psikotik	-	-	-	-

Sumber: Data-data kaji selidik

Berdasarkan jadual 5.3. di atas, ujian statistik menunjukkan bahawa nilai '*Chi- Squire*' bagi jenis personaliti neurutik ialah 0.319 pada paras keertian 0.572. Manakala nilai '*Chi Squire*' bagi personaliti *introvert/exstrovert* ialah 0.070 pada paras keertian 0.791. Memandangkan paras keertian yang dicatatkan ini melebihi paras signifikan yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 0.1 atau kurang, maka tiada hubungan yang signifikan di antara 'personaliti' dengan produktiviti.

Dari segi ujian hipotesis pula, hipotesis 1 yang berbunyi “ Wujud hubungan yang signifikan di antara jenis personaliti dengan produktiviti kerja” tidak diterima. Penemuan kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya, faktor personaliti tidak sangat mempengaruhi produktiviti kerja pensyarah. Namun demikian, terdapat juga sedikit hubungan di antara personaliti dengan produktiviti kerja pensyarah. Berdasarkan jadual 5.3.1 di bawah, didapati ramai di kalangan pensyarah yang produktif memiliki personaliti *extrovert*, tidak psikotik dan tidak neuritik. Kenyataan ini dapat dilihat di dalam jadual 5.3.1, di bawah, iaitu seramai 47 orang pensyarah yang jenis personaliti tidak neuritik menunjukkan kerja yang produktif dan seramai 63 orang pensyarah yang berpesonaliti tidak psikotik juga menghasilkan kerja yang produktif. Begitu juga dengan pensyarah yang memiliki personaliti *extrovert* juga produktif iaitu seramai 47 orang.

Jadual 5.3.1: Tahap Hubungan Jenis Personaliti dengan Produktiviti Kerja

Jenis personaliti	Produktiviti Kerja		Jumlah
	Produktif	Tidak Produktif	
Neurotik	16	8	24
Bukan neuritik	47	31	78
Psikotik	-	-	-
Bukan psikotik	63	39	102
<i>Introvert</i>	16	9	25
<i>Extrovert</i>	47	30	77

Sumber: Data-data kaji selidik

5.4 Hubungan Sikap Dengan Produktiviti

Jadual 5.4: Hubungan Di antara Sikap Dengan Produktiviti

Jenis Sikap	Nilai Chi-Squire	Darjah kebebasan	Paras Keertian	Status perhubungan Signifikan
Penglibatan kerja	9.771	2	0.008	Signifikan
Kepuasan Kerja	0.376	2	0.828	Tidak Signifikan
Iltizam kerja	1.446	2	0.485	Tidak Signifikan
Hubungan Dengan Tuhan	7.162	2	0.028	Signifikan

Sumber: Data-data kaji selidik

5.4.1 Hubungan Penglibatan Kerja Dengan Produktiviti

Berdasarkan Jadual 5.4 di atas, ujian statistik menunjukkan bahawa nilai '*Chi-Squire*' bagi hubungan penglibatan kerja dengan produktiviti ialah 9.771 pada paras keertian 0.008. Memandangkan paras keertian ini memenuhi paras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.1 atau kurang, maka ini menunjukkan penglibatan kerja mempunyai hubungan yang signifikan dengan produktiviti.

Oleh kerana kedua-dua pembolehubah di atas mempunyai hubungan yang signifikan, maka analisis seterusnya akan dilakukan bagi mengenalpasti bentuk hubungan yang wujud di antara faktor penglibatan kerja dengan produktiviti.

Bentuk Hubungan Di antara Penglibatan Kerja Dengan Produktiviti

Jadual 5.4.1(a): Hubungan di antara penglibatan Kerja Dengan Produktiviti

Tahap Penglibatan kerja	Produktiviti Kerja		Jumlah
	Produktif	Tidak Produktif	
Rendah	4 (6.3)	6 (15.4)	10 (9.8)
Sederhana	27 (42.9)	25 (64.1)	52 (51.0)
Tinggi	32 (50.8)	8 (20.5)	40 (39.2)
Jumlah	63 (100)	39 (100)	102 (100)

Sumber: Data-data kaji selidik

Berdasarkan jadual 5.4.1(a) di atas, didapati daripada sepuluh orang responden yang mempunyai tahap penglibatan kerja yang rendah, hanya 6.3 peratus yang produktif. Manakala sebanyak 15.4 peratus tidak produktif. Bagi mereka yang berada pada tahap penglibatan kerja yang sederhana, didapati 64.1 peratus tidak produktif manakala baki sebanyak 42.9 peratus yang produktif. Manakala bagi mereka yang mempunyai tahap penglibatan kerja yang tinggi didapati 50.8 peratus yang produktif. Hanya 20.5 peratus sahaja yang tidak produktif, ini bererti semakin tinggi penglibatan kerja akan menghasilkan kerja yang produktif. Keadaan sebaliknya akan berlaku sekiranya tahap penglibatan kerja rendah, maka produktiviti kerja akan menurun. Penemuan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan kerja dengan produktiviti kerja.

Melihat kepada bentuk perhubungan yang wujud bagi kedua-kedua pembolehubah ini, maka hipotesis yang berbunyi “ Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan kerja dengan produktiviti kerja” boleh diterima.

5.4.1(b) Hubungan Kepuasan Kerja dengan Produktiviti Kerja

Ujian statistik seperti ditunjukkan di dalam jadual 5.3.5 di atas, menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kepuasan kerja dengan produktiviti kerja pensyarah. Hasil analisa mendapati nilai '*chi-square*' ialah 0.376 pada paras keertian 0.828. Dengan paras signifikan yang ditetapkan sebanyak 0.1 atau kurang, maka hasil kajian ini menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan produktiviti kerja. Penemuan di atas juga telah membuktikan bahawa hipotesis yang telah ditetapkan iaitu “Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan produktiviti” tidak boleh diterima. Penemuan di atas memberi kesimpulan bahawa tahap kepuasan kerja seorang pensyarah tidak begitu mempengaruhi produktiviti kerja mereka.

5.4.1(c) Hubungan Antara Iltizam Kerja Dengan Produktiviti Kerja

Ujian statistik seperti jadual 5.3.5 di atas, menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah di atas. Didapati nilai '*Chi-square*' di antara dua pembolehubah di atas ialah 1.446 dengan paras keertian sebanyak 0.485. Oleh kerana paras keertian yang dicatatkan ini melebihi daripada paras keertian yang ditetapkan iaitu sebanyak 0.1 atau kurang, maka tidak wujud

hubungan yang signifikan antara iltizam kerja dengan produktiviti kerja. Daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa hipotesis yang berbunyi “ Terdapat hubungan yang signifikan antara iltizam kerja dengan produktiviti kerja, tidak boleh diterima.

5.4.1(d) Hubungan Produktiviti dengan Hubungan Dengan Allah

Hasil ujian statistik yang ditunjukkan oleh jadual 5.3.5 di atas mendapati nilai ‘Chi-Square, yang dicatatkan ialah 7.162 dengan paras keertian sebanyak 0.028. Oleh kerana paras keertian yang dicatatkan ini di bawah paras signifikan yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 0.1 atau kurang, maka didapati wujudnya hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah di atas. Memandangkan terdapat hubungan di antara hubungan dengan Allah dengan produktiviti, maka analisa seterusnya akan dilakukan.

Bentuk Hubungan di antara Hubungan Dengan Allah dengan Produktiviti

Seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 5.3.5(d) di bawah, didapati terdapat 5.9 peratus mempunyai tahap Hubungan Dengan Allah yang ‘rendah’ daripada 102 orang responden. Didapati daripada hasil analisis ini, sebanyak 10.3 peratus yang tidak produktif dan 3.2 peratus sahaja yang produktif. Manakala bagi mereka yang mempunyai hubungan dengan Allah pada tahap ‘sederhana’ didapati 66.7 peratus yang tidak produktif dan hanya 49.2 peratus yang produktif. Bagi mereka yang mempunyai hubungan dengan Allah pada tahap ‘tinggi’ didapati sebanyak 47.6 peratus yang produktif, manakala yang tidak produktif hanya 23.1 peratus sahaja.

Hasil analisis ini menunjukkan semakin tinggi tingkat hubungan dengan Allah, maka semakin tinggi produktiviti kerja yang dihasilkan.

Ujian hipotesis berhubung dengan penemuan di atas menunjukkan bahawa hipotesis yang berbunyi “ Ada hubungan yang signifikan di antara hubungan dengan Allah dengan produktiviti kerja” boleh diterima.

Jadual 5.4.1(d): Hubungan di antara Tahap Hubungan Dengan Allah dengan Produktiviti

Tahap Hubungan Dengan Allah	Produktiviti kerja		Jumlah
	Produktif	Tidak produktif	
Rendah	2 (3.2)	4 (10.3)	6 (5.9)
Sederhana	31 (49.2)	26 (66.7)	57 (55.9)
Tinggi	30 (47.6)	9 (23.1)	39 (38.1)
Jumlah	63 (100)	39 (100)	102 (100)

Sumber :Data-data kaji selidik
 Nota :Angka di dalam kurungan mempunyai nilai peratus (%)

5.5 Hubungan Di Antara Ciri-ciri Individu Dengan Produktiviti kerja

Analisa juga dilakukan terhadap ciri-ciri individu atau sosio-demografi seperti umur, jantina, taraf perkahwinan, pangkat, tempoh perkhidmatan. Analisa ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah ciri-ciri individu pensyarah dapat mempengaruhi secara signifikan produktiviti responden. Ujian statistik yang

dilakukan menggunakan kaedah ‘*chi-squire*’. Hasil ujian statistik bagi ciri-ciri individu atau sosio- demografi adalah seperti jadual 5.5 di bawah.

Jadual 5.5: Hubungan Ciri-ciri Individu dengan Produktiviti Kerja

Ciri-Ciri Individu	Nilai Chi-Squire	Darjah Kebebasan	Paras keertian	Status perhubungan
Umur	31.949	3	0.000	Signifikan
Tempoh perkhidmatan	28.620	3	0.000	Signifikan
Jantina	3.960	1	0.047	Signifikan
Taraf perkahwinan	9.443	1	0.002	Signifiakn
Pangkat	23.684	2	0.000	Signifikan
Pendidikan	24.191	1	0.000	Signifikan
Bidang penyelidikan	0.481	1	0.488	Tidak signifikan
Pendapatan	31.818	4	0.000	Signifikan

5.3.6(a)Umur Dengan Produktiviti

Hasil ujian statistik yang ditunjukkan oleh jadual 5.3.6 di atas mendapati nilai chi- squire yang dicatatkan ialah 31.949 pada paras keertian 0.000. Oleh kerana paras keertian ini memenuhi paras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.1 atau kurang, maka kajian ini mendapati bahawa faktor ‘umur’ mempengaruhi secara signifikan tahap produktiviti responden.

Oleh kerana faktor umur mempunyai hubungan yang signifikan dengan produktiviti, maka analisa seterusnya akan dilakukan untuk mengenalpasti bentuk hubungan yang wujud di antara faktor umur dengan produktiviti.

Bentuk Hubungan Faktor Umur Dengan Produktiviti

Hasil kajian mendapati terdapat hubungan antara faktor umur pensyarah dengan produktiviti. Seperti yang telah ditunjukkan dalam jadual 5.3.6(a) di bawah, majoriti iaitu 61.4 peratus responden berada pada tahap produktiviti yang tinggi. Manakala baki sebanyak 38.6 peratus menghasilkan produktiviti kerja yang rendah. Didapati pensyarah yang produktif iaitu 48.4 peratus berumur di antara 30 hingga 39 tahun dan diikuti dengan pensyarah yang berumur antara 40 hingga 49 tahun iaitu sebanyak 30.6 peratus. Manakala pensyarah yang tidak produktif berumur antara 20 hingga 29 tahun dan 50 tahun ke atas. Statistik di atas menunjukkan bahawa majoriti pensyarah iaitu 48.4 peratus yang menghasilkan produktiviti kerja yang tinggi merupakan golongan umur pertengahan. Ini mungkin pensyarah yang berpengalaman telah banyak pembacaan dan kajian yang telah dilakukan. Bagi pensyarah yang baru mula bekerja, mereka baru mempelajari dan masih menerokai bidang kajian masing-masing. Manakala pensyarah yang berumur tidak produktif, mungkin mereka memberi tumpuan pada perkara yang lain.

Jadual 5.5(a): Hubungan di antara Faktor Umur Dengan Tahap Produktiviti

Umur	Produktiviti kerja		Jumlah
	Produktif	Tidak Produktif	
20 hingga 29 tahun	3 (4.8)	20 (51.3)	23 (22.8)
30 hingga 39 tahun	30 (48.4)	14 (35.9)	44 (43.6)
40 hingga 49 tahun	19 (30.6)	4 (10.3)	23 (22.8)
> 50 tahun	10 (16.1)	1 (2.6)	11 (10.9)
Jumlah	62 (100)	39 (100)	101 (100)

Sumber: Data-data Kaji selidik

Nota: Angka Di dalam Kurungan Mempunyai Nilai Peratus (%)

Ini menunjukkan bahawa ujian hipotesis yang berbunyi “ Ada perkaitan yang signifikan di antara faktor umur pensyarah dengan produktiviti kerja” boleh diterima. Hasil statistik di atas menunjukkan bahawa peratusan golongan pertengahan dan tua lebih produktif daripada golongan muda, maka ini membuktikan bahawa faktor umur mempengaruhi secara signifikan dengan produktiviti pensyarah.

5.5(b) Jantina Dengan Produktiviti

Berdasarkan jadual 5.5 di atas, hasil ujian statistik menunjukkan bahawa nilai ‘Chi- Squire’ ialah 3.960 pada paras keertian 0.047. Memandangkan paras keertian yang dicatatkan ini tidak melebihi paras signifikan yang ditetapkan iaitu sebanyak 0.1 atau kurang, maka ada hubungan signifikan di antara faktor jantina dengan produktiviti.

Jadual 5.5(b) di bawah menunjukkan 58.7 peratus pensyarah lelaki produktif dan hanya 15 peratus tidak produktif berbanding dengan pensyarah perempuan yang produktif hanya 41.3 peratus dan bakinya sebanyak 61.5 peratus tidak produktif. Hasil ujian statistik ini membuktikan bahawa pensyarah lelaki lebih produktif. Oleh itu, hipotesis yang berbunyi “Ada perkaitan yang signifikan antara faktor jantina pensyarah dengan produktiviti kerja” diterima.

Jadual 5.5(b): Hubungan Di antara Faktor Umur Dengan Tahap Produktiviti

Jantina	Produktiviti Kerja		Jumlah
	Produktif	Tidak Produktif	
Lelaki	37 (58.7)	15 (38.5)	52 (51.0)
Perempuan	26 (41.3)	24 (61.5)	50 (49.0)
Jumlah	63 (100)	39 (100)	102 (100)

Sumber: Data-data Kaji Selidik
 Nota: Angka Di dalam Kurungan Mempunyai Nilai Peratus (%)

5.5(c) Taraf Perkahwinan Dengan Produktiviti

Hasil ujian statistik yang dicatatkan dalam jadual 5.3.6 di atas, nilai ‘*chi-square* ialah 9.443 pada paras keertian 0.002. Dapatan ujian ini menunjukkan bahawa faktor taraf perkahwinan mempunyai perhubungan yang signifikan dengan produktiviti.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.5(c) di bawah, sebanyak 95.2 peratus pensyarah yang produktif terdiri daripada yang sudah berkahwin berbanding dengan pensyarah yang bujang dan hanya 4.8 peratus daripada mereka yang produktif dan

25.6 peratus tidak produktif. Maka hipotesis yang berbunyi “ Ada perkaitan yang signifikan antara faktor perkahwinan dengan produktiviti kerja seorang pensyarah diterima”. Keadaan sedemikian berlaku mungkin pensyarah yang sudah berkahwin banyak mendapat dorongan daripada pasangan masing-masing. Lagipun didapati ramai di kalangan mereka merupakan pensyarah sudah mendirikan rumah tangga.

Jadual 5.5(c): Hubungan Di antara Faktor Taraf Perkahwinan Dengan Tahap Produktiviti

Taraf perkahwinan	Produktiviti Kerja		Jumlah
	Produktif	Tidak Produktif	
Bujang	3 (4.8)	10 (25.6)	13 (12.7)
Berkahwin	60 (95.2)	29 (74.4)	89 (87.3)
Jumlah	63 (100)	39 (100)	102 (100)

Sumber: Data-data Kaji Selidik
 Nota: Angka di dalam Kurungan Mempunyai Nilai peratus (%)

5.5(d) Tempoh Perkhidmatan Dengan Produktiviti

Mengenai hubungan di antara dua pembolehubah di atas, ujian statistik seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 5.3.6 di atas mendapati bahawa nilai ‘ *chi- squire* ’ ialah 28.620 dengan paras keertian 0.000. Memandangkan paras keertian ini memenuhi keperluan paras keertian yang ditetapkan, maka ujian statistik di atas menunjukkan bahawa faktor ‘ tempoh perkhidmatan ’ mempunyai hubungan yang signifikan dengan produktiviti responden.

Oleh kerana kedua-dua pembolehubah di atas mempunyai hubungan yang signifikan, maka analisa seterusnya akan dilakukan bagi mengenalpasti bentuk hubungan yang wujud di antara faktor 'tempoh perkhidmatan' dengan produktiviti responden.

Bentuk Hubungan Di antara Faktor Tempoh Perkhidmatan Dengan Produktiviti

Berdasarkan Jadual 5.3.6(d) di bawah, 56.4 peratus daripada pensyarah yang berkhidmat antara 5 tahun hingga 20 tahun menghasilkan kerja yang produktif dan hanya 16.2 peratus yang tidak produktif. Pensyarah yang berkhidmat antara tempoh ini dan lebih dianggap telah lama berkhidmat, manakala pensyarah yang berkhidmat di antara 5 tahun ke bawah hanya 25.8 peratus sahaja yang produktif berbanding dengan yang tidak produktif sebanyak 81.1 peratus. Bagi pensyarah yang berkhidmat bagi tempoh ini pula dianggap sebagai baru berkhidmat dan bagi pensyarah yang bekerja lebih daripada tempoh 20 tahun iaitu 17.7 peratus yang produktif manakala hanya 2.7 peratus tidak produktif. Sekiranya dibandingkan pensyarah yang bekerja antara tempoh perkhidmatan antara 11 hingga 20 tahun dengan 20 tahun ke atas, didapati pensyarah yang berkhidmat antara 11 hingga 20 tahun lebih ramai berbanding dengan 20 tahun ke atas. Keadaan ini berlaku kemungkinan disebabkan pada tempoh perkhidmatan ini ramai pensyarah yang sudah pencen dan akan tamat tempoh perkhidmatan.

Melihat kepada bentuk perhubungan yang wujud bagi kedua-dua pembolehubah ini maka hipotesis yang berbunyi “Ada perkaitan yang signifikan antara faktor tempoh perkhidmatan dengan produktiviti responden” diterima kerana daripada hasil kajian ini mendapati responden yang bekerja lebih lama lebih produktif berbanding dengan responden yang baru bekerja.

Jadual 5.5(d): Hubungan Di antara Faktor Tempoh Perkhidmatan Dengan Tahap Produktiviti

Tempoh Perkhidmatan	Produktiviti kerja		Jumlah
	Produktif	Tidak Produktif	
> dari 5 tahun	16 (25.8)	30 (81.1)	46 (46.5)
5 hingga 10 tahun	18 (29.0)	3 (8.1)	21 (21.2)
11-20 tahun	17 (27.4)	3 (8.1)	20 (20.2)
> dari 20 tahun	11 (17.7)	1 (2.7)	12 (12.1)
Jumlah	62 (100)	37 (100)	99 (100)

Sumber: Data-data kaji selidik
 Nota: Angka Di dalam Kurungan Mempunyai Nilai Peratus (%)

5.5(e) Bidang Pendidikan dengan Produktiviti Kerja

Analisa seterusnya adalah untuk menentukan sama ada wujudnya perhubungan yang signifikan di antara faktor ‘bidang penyelidikan’ dengan produktiviti responden. Jadual 5.3.6 di atas menunjukkan bahawa nilai ‘*chi-square*’ ialah 0.481 pada paras keertian 0.488. Oleh kerana paras keertian yang dicatatkan ini melebihi paras signifikan yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 0.1 atau kurang, maka tiada perhubungan yang signifikan di antara faktor ‘bidang pendidikan’ dengan produktiviti responden.

Dari segi ujian hipotesis pula, hipotesis yang ditetapkan iaitu “Ada perkaitan yang signifikan di antara bidang penyelidikan responden dengan produktiviti” ditolak. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa faktor bidang penyelidikan tidak mempengaruhi secara signifikan produktiviti kerja pensyarah. Ini bermakna kedua-dua jenis responden sama ada bidang penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi atau kemanusiaan tidak mempengaruhi bagi menghasilkan produktiviti kerja yang baik.

5.6 Rumusan

Berdasarkan analisa dan hasil kajian yang dijalankan, kajian ini mendapati bahawa majoriti pensyarah memiliki personaliti *extrovert* iaitu memiliki ciri-ciri seperti berpengaruh, mempunyai pandangan yang objektif, kurang mengawal diri, sentiasa bersemangat, berani menanggung risiko dan aktif. Namun demikian, kajian

ini juga mendapati tidak ada hubungan yang signifikan di antara personaliti dengan produktiviti kerja mereka. Ini menunjukkan personaliti seorang pensyarah tidak mempengaruhi secara langsung dengan produktiviti kerja mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan bercanggah dengan kajian yang telah dilakukan oleh Hazalifah (1999) yang mana beliau mendapati dimensi personaliti boleh mempengaruhi kerjaya dan produktiviti kerja.

Bagi jenis sikap pula, kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan kerja dan hubungan dengan Allah dengan produktiviti kerja. Manakala bagi kepuasan kerja dan iltizam kerja tidak mempunyai hubungan dan mempengaruhi produktiviti kerja seorang pensyarah. Ini menunjukkan pensyarah yang produktif hanya memberi tumpuan pada penyelidikan dan pengajaran dan kurang mementingkan faktor kepuasan kerja mereka yang lain.

Kajian ini juga mendapati terdapat lima faktor di bawah ciri-ciri individu atau sosio-demografi iaitu umur, jantina, status perkahwinan, tempoh perkhidmatan dan pangkat mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap produktiviti. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan terdapat hubungan antara faktor-faktor sosio-demografi dengan tahap produktiviti. Begitu juga hubungan sikap dengan produktiviti kerja. Ini dapat dilihat pada paras keertian bagi kedua-dua faktor berkenaan memenuhi keperluan paras signifikan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, faktor personaliti secara keseluruhannya tidak mempengaruhi secara signifikan dengan produktiviti kerja seorang pensyarah.